

# Kualiti pendidikan

## negara: 9 jam atau SBPA?

UB 0401-200 B2

**SUNGGUH** pantas masa berlalu, ibarat kunang-kunang berkelipan kita telah pun melangkah masuk ke tahun 2012. Tahun yang dijangkakan bakal dipenuhi

dan diwarnai pelbagai cabaran dalam dunia pendidikan negara. Apa-apa pun kepada seluruh insan guru, Selamat Kembali Bertugas pada hari ini.

Hari ini, tidak dapat dinafikan lagi pengaruh kemajuan teknologi ICT yang begitu pesat, tentu sekali mencabar kewibawaan insan guru di dalam dan luar bilik darjah. Di samping meningkatkan keupayaan menggunakan kemajuan teknologi ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran, insan guru jugalah yang bakal memikul tugas menjayakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KSSR, KSSM, Linus, MBMMBI, 1Sukan 1Murid, aktiviti-aktiviti kokurikulum dan pelbagai tugas yang tidak perlu disebutkan, di samping melaksanakan pelbagai tugas perkeranian sepanjang masa sama ada berada di premis sekolah atau di luar premis sekolah. Begitulah tugas dan peranan insan guru, walau apa cabaran-cabaran yang dihadapi, kata-kata Sasterawan Negara Usman Awang tetap benar bahawa "dialah pemberi paling setia, tiap akar ilmu miliknya".

Ketika seluruh insan guru begitu sibuk meningkatkan dan menstrukturkan semula langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi menjayakan tugas dan peranan masing-masing, tidak semena-mena timbul idea masa bertugas insan guru perlu ditambah menjadi 9 jam sehari. Wajar difahami bahawa tugas dan peranan insan guru bukanlah berdepan dengan mesin dan bahan mentah, tetapi berdepan dengan aset negara yang perlu dibentuk dan dibangunkan, bukan hanya untuk memenuhi keperluan negara tetapi jauh dari itu untuk melengkapkan aset negara ini menghadapi cabaran dunia global.

Dunia kini adalah dunia pengetahuan dan negara ini sentiasa berusaha melahirkan generasi k-komuniti. Generasi semakin celik pengetahuan ini, tentu sekali melihat faktor kuantiti tiada mempunyai nilai lagi, jika faktor kualiti terus diabaikan. Apa yang penting ialah menyediakan proses pembelajaran dan pengetahuan berkualiti kepada anak bangsa daripada menambah waktu bekerja kepada 9 jam atau 12 jam sekalipun. Apalah sangat nilai kuantiti bekerja berjumlah 9 jam, jika proses pembelajaran dan pengajaran tidak berlaku. Pun begitu, harus diingat bahawa insan guru adalah manusia biasa yang punya limitasi tenaga dan emosi, malah sebenarnya persediaan insan guru sehari-harian untuk melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran yang efektif dan efisien sudah cukup malah melebihi cadangan 9 jam itu.

Pendedahan 60 peratus murid tahap satu seluruh negara tidak dapat menguasai 3M oleh Menteri Pelajaran baru-baru ini boleh dijadikan indikator betapa rendahnya kualiti proses pembelajaran dan pengajaran yang disediakan. Lontaran tuduhan melulu tentu sekali ditujukan kepada insan guru, namun jarang sekali pihak tertentu *mahu mengkaji dan melakukan refleksi* bagaimana sesuatu senario boleh berlaku.

Pun begitu, terdapat pendapat yang boleh dipertikaikan oleh ilmuwan ternama yang berpendapat bahawa insan guru kini hanya membantu anak murid membuat persiapan menghadapi peperiksaan sahaja, tetapi tidak mendidik dan tidak berusaha mengenal pasti kelemahan anak murid menguasai 3M. Bagaimanakah senario sedemikian boleh berlaku di era globalisasi ini? Siapakah yang membenarkan senario ini berlangsung sejak sekian lama? Beban ini bukan tanggungan insan guru semata-mata. Pelbagai pihak perlu bergandingan bagi mengatasi masalah ini termasuk menolak perumpamaan sekolah adalah "pusat jagaan anak secara percuma dan murah".

Dalam masa yang sama pada tahun 2012 ini, kakitangan awam termasuk insan guru berdepan dengan cabaran baru bagi menjayakan misi sektor awam. Skim SBPA ini perlu dijadikan platform ke arah pembaharuan yang selari dengan agenda transformasi negara untuk meningkatkan produktiviti setimpal dengan imbuhan (suntikan) yang diberikan. Dari perspektif ekonomi, setiap ringgit dan sen yang disuntik kepada setiap kakitangan awam dan insan guru perlu memberikan kesan berganda (multiply effect) terhadap produktiviti yang akan diberikan. Tidak hairanlah, mengapa skim SBPA perlu menggunakan suatu mekanisme penilaian baru yang dipanggil Penilaian Kompetensi dan Potensi (PKP) bagi menggantikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan sewajarnya diberi ruang untuk dilaksanakan. Mekanisme ini akan memberikan pengiktirafan hanya kepada kakitangan awam dan insan guru yang cemerlang sahaja.

Sistem gaji SBPA dan dasar pemisah (exit policy) juga perlu menjadi dorongan kepada insan guru bagi meningkatkan produktiviti dan berusaha mentransformasikan perkhidmatan pendidikan menjadi lebih efektif dan efisien. Jika tidak, negara dan dunia pendidikan sentiasa tertinggal di belakang dalam usaha melahirkan anak-anak bangsa yang mampu menghadapi cabaran era globalisasi.

Akhirnya, benarlah bagai dikata bahawa insan guru semenjak dulu, kini dan selamanya adalah "pelita dan lampu segala, untuk manusia sebelum jadi dewasa". Hanya insan guru yang punya hikmah, mukhlisin dan solihin mampu penuhi harapan tinggi menggunung untuk mewujudkan proses pembelajaran dan pengajaran yang efektif dan efisien serta mampu melahirkan anak bangsa yang gagah dan cemerlang.

\* Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah

### MINDA PENDIDIK

**Mohd Yusof Abdullah**

bersama Baharom Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip

